



Pemeriksaan dengan media sosial: Aplikasi *facebook* dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Lyndon, N¹, Suhana S¹, Sivapalan S¹, Azima AM¹, Mohd Yusof Hussain¹, Abd Hair Awang¹, Zaimah, R¹, Sarmila MS¹, Lim Jie Wei¹

¹Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Novel Lyndon (email: novel@ukm.my)

Abstrak

Dalam dunia tanpa sempadan, penguasaan Bahasa Inggeris amat penting untuk mahasiswa bukan sahaja sebagai bahasa ilmu tetapi juga sebagai bahasa untuk memasarkan mahasiswa itu sendiri sebagai gunatenaga mahir dalam sektor pekerjaan yang diceburi. Oleh sebab itu, objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti pandangan mahasiswa terhadap *facebook* dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini menggunakan strategi penyelidikan abduktif di mana pembelajaran Bahasa Inggeris dalam *facebook* diukur berdasarkan pada fenomena, pengalaman dan pengetahuan mereka sendiri sebagai ahli *facebook*. Pendek kata, fenomena, pengalaman dan pengetahuan yang hendak dikaji mestilah yang dialami dalam kehidupan harian dan bukannya fenomena yang dicipta oleh situasi eksperimental. Data telah dikumpul menggunakan temubual mendalam. Saiz sampel dalam kajian ini ditentukan oleh ketepuan data. Oleh itu, sejumlah 30 orang mahasiswa telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dan persampelan snowball. Kesahihan dan kebolehpercayaan data kajian ini ditentukan menggunakan pendekatan *member checked*. Hasil kajian mendapati pandangan mahasiswa terhadap *facebook* dalam pembelajaran Bahasa Inggeris boleh dibahagikan kepada enam tema utama iaitu penulisan, perbincangan, mempelajari perkataan baru, panduan tatabahasa, kemahiran mendengar dan bertutur dan akhir sekali kemahiran menterjemah. Keenam-enam tema ini dilihat telah meningkatkan keyakinan mereka menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan sama ada dalam situasi formal dan tidak formal.

Katakunci: Bahasa Inggeris, Facebook, guna tenaga mahir, mahasiswa Antropologi dan Sosiologi, pembelajaran, strategi penyelidikan abduktif

Empowerment by social media: *Facebook* applications and learning English among students of Anthropology and Sociology, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

In a borderless world, English language is vital for non-native students not only as a language of knowledge but also as a language for students to market themselves. The main objective of this study was to examine the views of students on *Facebook* in learning English language. The study used an abductive research strategy where learning English in *facebook* was measured in experiential terms, that is, in terms of the students' daily experience of 'doing' Facebook. The data were collected using in-depth interviews with the final sample size determined by data saturation. A total of 30 students was selected as informants using purposive and snowball sampling. Data validity and reliability were determined by the member checked method. The study found that the students' perceptions of their *Facebook* experience in learning English may be categorized into six outcome themes, namely, writing,

discussion, learning new words, grammar guides, listening and speaking skills, and translations skills. All in all, the outcomes reveal that the students' experiences with *Facebook* applications have increased their confidence to use English as the medium of instruction either in formal and informal situations.

Keywords: abductive research strategy, English, *Facebook*, job market, learning, skilled employment

Pengenalan

Matlamat utama falsafah pendidikan Negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Namun, matlamat ini amat sukar untuk dicapai memandangkan amalan sistem pendidikan yang sedia sekarang ini lebih banyak memberi fokus dan tumpuan terhadap kemahiran kognitif dan psikomotor (Melor Md Yunus & Hadi Salehi, 2012). Hasilnya para pelajar yang dikeluarkan hanya mahir dalam aktiviti mental dan gerakan seperti ingatan, mengkategorikan, merancang, menaakul, menyelesaikan masalah, mencipta dan berimajinasi dan kemahiran gerakan seperti menulis, melukis dan sebagainya tanpa melihat kepada penerapan atau perkembangan nilai, sikap dan sosial (Greeno, 2006). Dalam masa yang sama, pendedahan pada sistem kapitalisme, proses modenisasi dan kemasukan kuasa pasaran telah menyebabkan berlakunya perubahan sosial pada peringkat struktur sosial (Sawyer, 2006) dan nilai masyarakat terhadap pendidikan pengajian tinggi dan makna bidang pengajian sains sosial itu sendiri (Olson, 2004). Pendek kata, perubahan ideologi tentang pentingnya pendidikan universiti dan kerelevanan serta kedudukan pengajian sains sosial sebagai disiplin dalam dunia moden semakin menerima cabaran sengit khususnya dari kalangan masyarakat industri atau moden (Dinero, 1997). Hal ini kerana masyarakat moden ditakrifkan sebagai sebuah masyarakat yang mempunyai tahap industrialisasi yang tinggi, bersifat ekonomi kapitalis, mempunyai perbezaan sosial yang luas, populasinya adalah bersifat heterogenous, kehidupan hariannya didominasi oleh sains dan teknologi serta lebih bersifat sekularisme (Mazzucato, 1997). Manakala, modenisasi adalah merupakan nama kepada proses di mana masyarakat telah ditransformasikan daripada tradisional atau pra moden kepada moden (Dinero, 1997). Jika ditinjau secara sepintas lalu, bermula dengan Kant, Hegel dan Marx kepada Weber, Foucault dan Habermas, konsep moderniti secara hegemoninya adalah berkait rapat dengan terma-terma seperti rasionaliti, liberalisme, kapitalisme, sekularisme dan hukum undang-undang (Horowitz, 1998).

Sehubungan dengan itu, moderniti dalam kaca mata proses modenisasi adalah merupakan hasil daripada proses transformasi yang kemudiannya menghasilkan perkembangan industri, pertumbuhan bandar, perkembangan pasaran kapitalisme, kelahiran keluarga kelas pertengahan, perkembangan sekularisme, demokrasi dan legislasi sosial. Justeru itu, terma moden dan moderniti kadangkala dilihat sebagai satu cerminan tentang jenis masyarakat yang dibangunkan daripada proses modenisasi (Sayer, 1991). Oleh yang demikian dalam usaha mengintegrasikan perspektif permintaan yakni keperluan dan persepsi pasaran khususnya majikan dan perspektif subjek penawaran iaitu persepsi pelajar dan ibubapa serta sistem pendidikan pengajian tinggi, maka penelitian semula terhadap ideologi pendidikan pengajian tinggi adalah perlu untuk memastikan selain daripada matlamat ideologi karakter perlu diambil kira keserasian nilai pelajar dan permintaan pasaran yang sangat bersandar pada ideologi utilitarian (Sawyer, 2006). Perlunya kritikan terhadap ideologi memang diakui, tetapi dalam masa yang sama suatu bentuk ideologi sintesis yang bertanggungjawab harus dipupuk atau dibentuk dalam memastikan kedua-dua matlamat ideologi pendidikan yang berlawanan dapat diserasikan secara pragmatis dan sesuai dengan kehendak pasaran. Kesan perubahan ideologi pasaran ini adalah didapati modal insan yang dibentuk tidak seimbang seperti yang dihasratkan untuk memungkinkan kebolehpasaran pelajar universiti (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi 2006). Persoalannya apakah pendekatan pengajaran sekarang sesuai digunakan di dalam kelas? Sehingga kini, strategi, pendekatan dan kaedah penyampaian dan penilaian pengajaran dan pembelajaran tidak diberi perhatian yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan semasa dan memupuk minat pelajar.

Aspek inovasi sangat penting untuk memupuk minat pelajar dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan (Seltzer & Bentley, 1999; Shaffer, 2006; Sharp, 2004). Inovasi di sini merujuk kepada pembaharuan terhadap sesuatu atau penemuan sesuatu yang baru (Sharp, 2004; Stokes, 1997). Kata inovasi sering dipakai dalam hal yang berkaitan dengan penemuan, kerana hal yang baru itu merupakan hasil penemuan. Penemuan itu dapat digunakan untuk menterjemahkan kata *discovery* dan *invention* (Simplicio, 2000; Shneiderman, 2000). Justeru itu, medium penyampaian yang boleh dijadikan wahana untuk menarik minat pelajar, merangsang pemikiran kritis dan kemahiran berkomunikasi dalam berbahasa Inggeris adalah menerusi penggunaan Facebook dalam pengajaran. Melor Md Yunus dan Hadi Salehi (2012) telah menguji keberkesanan Facebook dalam meningkatkan kemahiran penulisan dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut menghasilkan keputusan yang positif yang menunjukkan kemahiran pelajar dalam bertutur dan penemuan perkataan baru dalam Bahasa Inggeris telah meningkat. Hasil kajian yang serupa turut diperolehi oleh Sturgeon dan Walkers (2009) apabila mereka berdua mendapati penggunaan aplikasi facebook dalam pembelajaran Bahasa Inggeris telah berjaya membantu para pelajar dalam penulisan, berhujah dan berbincang. Seterusnya, Robyer, McDaniel et al., (2010) dalam kajian mereka mendapati para pelajar lebih suka menggunakan Facebook sebagai aplikasi dalam pengajaran dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris khususnya dalam aspek tatabahasa, semantic, laras bahasa dan ejaan.

Rata-rata kajian sebelum ini mendapati walaupun program pembelajaran yang menggunakan alat bantuan audio-visual, teknologi pendidikan dan eksperimen telah bermula awal dekad abad ini, namun, kesannya dalam meningkatkan kemahiran dan keyakinan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar siswazah masih lagi terbatas berbanding dengan aplikasi facebook (Harold 1999; Seltzer & Bentley, 1999; Shaffer, 2006). Justeru, jika penggunaan Facebook dijadikan aplikasi dalam meningkatkan penguasaan dan keyakinan berbahasa Inggeris, apakah hasil pembelajaran yang dapat dijana menerusi Facebook? Perkara ini adalah merupakan isu utama yang hendak dikaji dalam kajian ini. Oleh sebab itu, fokus utama kajian ini ialah untuk meneliti hasil pembelajaran Bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh aplikasi Facebook berdasarkan pandangan pelajar sosiologi dan antropologi. Isu ini harus diteliti kerana pembinaan *soft skills* memang memerlukan pembentukan pemikiran kritis, mahir berkomunikasi, berbahasa, berhujah dan mengaitkan aspek teori dan amali (Buzzeto, 2012; Gafni & Deri, 2012; Goodwin & Vetere, 2010).

Metodologi kajian


Kajian ini telah menggunakan sembilan langkah dan prinsip dalam usaha untuk menghasilkan sifat-sifat tentang realiti sosial dan menghasilkan kategori dan tema yang boleh membentuk asas pemahaman atau penerangan terhadap permasalahan yang ingin diselidiki (Blaikie, 2007). Langkah-langkah dan prinsip-prinsip tersebut adalah seperti yang berikut: 1) memasuki dunia facebook dengan menjadi ahli dan menubuhkan kumpulan facebook serta mempunyai kepekaan terhadap beberapa tema utama sebagai panduan tetapi tema tersebut haruslah bertindak secara *non-directive*; 2) mengenalpasti tema dan kategori yang telah digunakan dalam perbincangan kumpulan facebook tentang topik yang ingin diselidiki terutama sekali bagi tema dan kategori yang sering kali berulang dan acap kali muncul dalam perbualan; 3) menerangkan makna tema dan kategori tersebut dalam kumpulan facebook. Aktiviti ini berterusan sepanjang kajian lapangan; 4) memperhalusi dan menyempitkan lagi permasalahan yang ingin diselidiki; 5) menjadi sebahagian daripada rakan facebook dengan melibatkan diri secara berterusan dengan kehidupan dan aktiviti mereka; 6) merekodkan semua komen dan kelakuan yang berkaitan dengan tema atau kategori utama; 7) tema dan kategori yang telah dikenalpasti wujud telah diuji semula dengan informan; 8) mencari literatur yang relevan untuk mendapatkan idea tentang bagaimana tema dan kategori tentang aktiviti pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Aktiviti pencarian dan pembacaan literatur yang berkaitan adalah berterusan sehingga tema atau kategori tentang pembelajaran Bahasa Inggeris telah dibuktikan atau dikukuhkan; dan akhir sekali 9) tema dan kategori yang telah dihasilkan oleh penyelidik haruslah dibentangkan semula kepada informan untuk tujuan penyemakan bagi mengekalkan keaslian dan

kebenaran konstruk saintifik serta meningkatkan darjah kesahihan dan kebolehpercayaan terhadap konsep dan kategori tersebut.

Dalam kajian ini, data telah dikutip dengan menggunakan temubual mendalam dalam tempoh selama empat bulan. Temubual mendalam dalam kajian ini melibatkan perbualan antara dua belah pihak iaitu antara penyelidik dan informan dengan satu tujuan khusus iaitu untuk memahami hasil pembelajaran Bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh aplikasi Facebook. Kebanyakan daripada temubual yang dijalankan mengambil masa selama dua jam hingga ke tiga jam dan terdapat juga sesetengah daripada temubual yang dijalankan mengambil masa yang agak lama. Data kajian ini dikutip menggunakan kaedah persampelan non-probability iaitu persampelan bertujuan dan snowball. Sejumlah 30 orang informan telah berjaya ditemubual secara mendalam. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan teoritikal. Menurut Glaser dan Strauss (1967) dan Lincoln dan Guba (1985) ketepuan teoritikal berlaku atau terjadi apabila tidak terdapat sebarang tema atau kategori baru yang muncul dan tidak terdapat data yang relevan yang boleh membincangkan atau bertindak terhadap kategori yang wujud. Kesemua temubual akan ditranskripsikan dan diformat untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data Nvivo dan digunakan untuk mencipta kategori dan untuk mengindeks data. Nvivo adalah merupakan perisian yang dicipta atau direka khas untuk membantu menyimpan dan menguruskan keseluruhan analisis data kualitatif kajian. Memandangkan data adalah dalam bentuk transkrip, maka metod yang digunakan lebih menjurus kepada pembentukan kategori, membuat indeks atau mengkodng dokumen, *sorting data* untuk mengesan pola, menghuraikan pola dan menghasilkan tema.

Hasil kajian dan perbincangan

Kajian mendapati pandangan pelajar program Antropologi dan Sosiologi terhadap aplikasi facebook dalam pembelajaran Bahasa Inggeris boleh dibahagikan kepada enam tema utama yang terdiri daripada aspek penulisan, perbincangan, mempelajari perkataan baru, panduan tatabahasa, kemahiran mendengar dan bertutur dan akhir sekali kemahiran menterjemah. Dari segi rangkingnya, tema penulisan, perbincangan dan mempelajari perkataan baru merupakan tema yang paling tinggi mendapat perhatian dalam kalangan informan (sila lihat Rajah 1). Majoriti informan dalam kajian ini bersetuju bahawa penguasaan yang baik dalam keenam-enam tema ini seterusnya membantu keyakinan mereka untuk bertutur, menulis, membaca dan berbincang antara mereka dalam suasana formal dan tidak formal tentang sesuatu isu sama ada ia berkaitan dengan kursus yang diikuti atau isu-isu lain. Dalam masa yang sama perbincangan mereka tidak hanya terhad dalam dunia maya tetapi juga turut dalam dunia realiti. Oleh sebab itu, majoriti informan dalam kajian ini berpandangan bahawa aplikasi facebook banyak membantu mereka meningkatkan penguasaan dalam Bahasa Inggeris terutama sekali dari segi aspek penulisan berbanding dengan media sosial yang lain. Di samping itu, penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dilihat bukan sahaja sebagai bahasa ilmu tetapi juga sebagai bahasa untuk memasarkan diri mereka sendiri sebagai gunatenaga mahir dalam sektor pekerjaan yang diceburi khususnya di sektor swasta yang mementingkan meritokrasi, persaingan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara utama. Perkara ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Junco (2011), Gafni dan Deri (2012) dan Buzzeto (2012) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara pembolehubah kemahiran menulis, mendengar, bertutur dan mempelajari perkataan baru dengan jumlah kekerapan penggunaan aplikasi facebook oleh responden. Berikut adalah merupakan pemerincian bagi setiap tema yang telah dinyatakan oleh informan dalam kajian ini.



Rajah 1. *Pembelajaran Bahasa Inggeris melalui aplikasi facebook mengikut rangking*

Penulisan

Majoriti informan dalam kajian ini berpandangan bahawa aplikasi facebook banyak membantu mereka menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik terutamanya dari segi susunan ayat, penggunaan struktur ayat, bentuk kata, struktur kata, makna, ejaan, istilah, idea dan sebagainya. Konsep menulis bagi informan pula merujuk kepada keupayaan menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea dalam Bahasa Inggeris melalui pelbagai jenis penulisan sama ada secara ilmiah atau komentar. Pendek kata, penulisan yang baik mampu merangsang dan memahirkan tatabahasa, idea, perbendaharaan kata dan meluahkan perasaan, memberi peluang kepada mereka untuk menerokai istilah Bahasa Inggeris. Di samping itu, ia memperluaskan pengetahuan, melahirkan idea dan menggunakan seluruh anggota badan mereka untuk merangsang pembelajaran dan akhir sekali memahirkan mereka menulis dalam Bahasa Inggeris dengan bebas tanpa wujudnya perasaan ketidakyakinan dan rendah diri. Perkara ini misalannya telah diutarakan oleh beberapa orang informan seperti R1, R2, R3, R4, R5, R6 dan R8 yang menyatakan bahawa dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris, peranan tulisan sangat penting kerana tulisan bertindak sebagai alat untuk menurunkan segala isi idea dan buah fikiran seseorang tanpa wujudnya masalah kekangan bahasa terutama sekali dari segi istilah dan makna. Sehubungan dengan itu, bagi majoriti informan dalam kajian ini aplikasi facebook bukan hanya dilihat sebagai media sosial semata-mata tetapi juga merupakan media untuk melahirkan seorang pelajar yang mempunyai keupayaan menulis ayat Bahasa Inggeris menggunakan buah fikiran, perasaan dan pengalaman sendiri secara jelas, teratur dan tersusun dari segi perkataan dan penggunaan tatabahasa. Hal ini kerana wujudnya hubungan saling bantu membantu atau timbal balik antara rakan facebook yang fasih dan lemah dalam Bahasa Inggeris. Di samping itu, ia turut melibatkan kemahiran daya cipta untuk menulis karangan atau hujah tentang sesuatu isu semasa secara kreatif atau kritis, menterjemahkan bahan prosa bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu dan seterusnya membolehkan pelajar berkomunikasi secara verbal dalam kehidupan harian. Perkara ini telah diperjelaskan dengan panjang lebar oleh R11, R13, R15, R17, R22, R27 dan R30.

Perbincangan

Perbincangan dalam kajian ini menurut informan merujuk kepada perbincangan antara rakan facebook tentang gambar, aktiviti harian, kursus yang diambil, tugas kursus dan isu-isu semasa yang diposkan untuk komen dan perbincangan lanjut. Pada kebiasaannya, perbincangan menggunakan Bahasa Inggeris

hanya berlaku apabila terdapat rakan-rakan facebook dari negara lain atau etnik lain memberi komen dalam Bahasa Inggeris. Perkara ini telah dinyatakan oleh R1, R7, R8, R11 dan R15. Oleh sebab itu, rata-rata informan dalam kajian ini seperti R10, R11, R18, R19, R21, R23, R25 dan R27 bersetuju bahawa mereka lebih suka rakan-rakan mereka mengeposkan sesuatu isu dalam Bahasa Inggeris dalam ruangan facebook mereka berbanding dengan Bahasa Melayu. Hal ini kerana semakin kerap mereka berinteraksi dalam Bahasa Inggeris, semakin baik penguasaan dan keyakinan mereka dalam bahasa tersebut. Kenyataan yang dikeluarkan oleh informan ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Simplicity (2000) dan Shneiderman (2000) yang menyatakan bahawa kreativiti guru sekolah rendah menggunakan laman media sosial seperti facebook dan twitter untuk pengajaran Bahasa Inggeris telah meningkatkan penguasaan dan keyakinan pelajar dalam bahasa tersebut.

Perkataan baru

Majoriti informan dalam kajian ini menyatakan bahawa perkataan baru Bahasa Inggeris yang dimaksudkan oleh mereka merujuk kepada perkataan yang agak jarang didengar, perkataan yang susah untuk disebut, perkataan yang susah untuk dieja, perkataan yang merujuk kepada sains dan teknologi, istilah dan perkataan yang mempunyai makna yang sangat mendalam. Perkataan baru ini menurut informan adalah merupakan perkataan yang wujud melalui dua sumber utama iaitu melalui asal-usul bahasa itu sendiri, melalui warisan atau pinjaman dari bahasa lain dan seringkali digunakan oleh pengguna yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara utama. Terdapat juga sebilangan informan seperti R7, R12, R14, R15, R23, R26 dan R27 yang menyatakan bahawa perkataan baru merujuk kepada perkataan, atau frasa, yang mungkin dalam proses memasuki penggunaan biasa, tetapi belum lagi diterima ke dalam bahasa arus perdana iaitu Bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, mereka suka rakan-rakan facebook menggunakan perkataan yang jarang mereka dengar khususnya perkataan yang terkandung dalam kamus oxford untuk dimasukkan dalam laman pos masing-masing. Hal ini bagi memudahkan mereka membuat rujukan kamus ketika memberi komen dan membuat perbincangan atau kenyataan.

Panduan tatabahasa

Majoriti informan dalam kajian ini berpendapat bahawa konsep tatabahasa yang difahami oleh mereka merujuk kepada kata dan pembentukan kata, kelas kata dan imbuhan, pembentukan ayat, peraturan-peraturan bagaimana sesuatu perkataan Bahasa Inggeris itu dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan-perkataan lain untuk menghasilkan ayat-ayat yang gramatis menurut fungsinya. Dengan kata lain, tatabahasa ialah rentetan ucapan, hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan, pengelompokan serta pengklasifikasian perkataan untuk membentuk ayat. Pendek kata tatabahasa ialah hukum-hukum yang telah dibuat terhadap bahasa itu berdasarkan makna sama ada melibatkan kata frasa, klausa, pembahagian subjek dan predikat, jenis ayat, susunan ayat dan akhir sekali melibatkan pembinaan dan proses penerbitan ayat yang betul. Perkara ini telah diuraikan dengan mendalam oleh beberapa orang informan yang terdiri daripada R1, R6, R9, R12, R14, R23, R26 dan R27. Malah, sebilangan besar informan dalam kajian ini bersetuju bahawa peningkatan tatabahasa Bahasa Inggeris mereka disumbang oleh you tube, video terbitan rakan facebook dan audio yang diposkan oleh rakan facebook dalam laman facebook masing-masing atas kepekaan tentang kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa global. Sebagai contoh R25 dalam kenyataannya menyatakan bahawa “saya belajar tatabahasa Bahasa Inggeris melalui laman facebook”. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh R30 “biasanya saya akan poskan satu you tube atau video rekaan sendiri tentang bagaimana membina ayat dan kesilapan-kesilapan tatabahasa yang seringkali dilakukan dalam facebook. Selepas itu, rakan-rakan saya akan memberi komen dan perbincangan akan berlangsung selepas itu”. R12 dalam kenyataannya menyatakan “saya sudah belajar tentang tatabahasa Bahasa Inggeris melalui facebook selama dua tahun. Hasilnya saya dapat meningkatkan keyakinan berbahasa Inggeris di tempat awam”. Walaupun begitu, rata-rata informan dalam kajian ini menyatakan proses pembelajaran

Bahasa Inggeris dalam facebook hanya terhad kepada rakan sekuliah, rakan-rakan yang faham tentang kepentingan Bahasa Inggeris dan teman rapat sahaja. Perkara ini dinyatakan oleh R2, R5, R7 dan R10. Hal ini terpaksa merela lakukan kerana perbincangan atau pendedahan di khalayak ramai tentang kelemahan berbahasa Inggeris adalah sesuatu yang merendahkan status mereka sebagai pelajar universiti penyelidikan.

Mendengar dan bertutur

Lebih daripada separuh informan dalam kajian ini menyatakan bahawa laman facebook terutama sekali ruangan kumpulan (*group*) dan minat (*interest*) membantu mereka dari segi kemahiran mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Hal ini kerana dalam ruangan kumpulan atau minat setiap ahli akan mengepos maklumat sama ada dalam bentuk tulisan, muzik, you tube, metacafe dan sebagainya. Seterusnya, rakan-rakan lain akan memberi maklumbalas dan respon. Sekiranya maklumat yang diposkan adalah berkenaan dengan video travel log muzik Celine Dion 2012 Live di Kuala Lumpur atau video pengalaman dia membuat penyelidikan, maka setiap ahli akan berpeluang mendengar video tersebut dan bagaimana pengirim yang membuat video tersebut bercakap dalam Bahasa Inggeris menerangkan video gubahan atau nukilan beliau. Ruangan kumpulan ini biasanya diwujudkan dengan matlamat dan objektif yang ingin dicapai oleh setiap ahli. Misalannya R1, R5, R10, R12, R23, R27 dan R28 menyatakan bahawa pada kelazimannya mereka akan mewujudkan ruangan kumpulan dengan matlamat untuk mencapai tujuan atau objektif yang telah ditetapkan. Sebagai contoh kumpulan belajar berbahasa Inggeris diwujudkan khas ekoran daripada masalah pengangguran dalam kalangan siswazah dan dengan matlamat untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa globalisasi dan bahasa untuk mencari pekerjaan terutama sekali dalam sektor swasta dalam kalangan mahasiswa. Justeru itu, setiap ahli akan mengepos maklumat-maklumat tentang bagaimana untuk belajar dengan berkesan dalam Bahasa Inggeris sama ada secara audio visual, video, you tube, meta café dan sebagainya. Seterusnya, rakan-rakan lain akan memberi respon dan maklum balas terhadap bahan kiriman tersebut sama ada secara audio visual melalui pertuturan atau penulisan.

Kemahiran menterjemah

Konsep kemahiran menterjemah yang dimaksudkan oleh majoriti informan dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran menterjemah ayat, teks, perkataan atau istilah dalam Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris atau daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dengan mengekalkan makna asal. Meskipun begitu, hanya lima puluh peratus sahaja informan dalam kajian ini mengatakan bahawa penggunaan aplikasi facebook telah membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam menterjemah Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dan selanjutnya daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Hal ini kerana proses penterjemahan adalah merupakan aktiviti atau kerja yang memerlukan penelitian dan keperihatinan yang tinggi. Di samping itu, masa yang diperuntukkan oleh mereka untuk aktiviti penterjemahan memakan masa yang agak lama dan kadang-kadang membosankan. Walaupun begitu rata-rata daripada mereka bersetuju bahawa aktiviti dan proses penterjemahan yang dilakukan oleh mereka melalui facebook telah berjaya meningkatkan keyakinan mereka berbahasa Inggeris apabila keluar mencari pekerjaan nanti terutama sekali dalam sektor swasta. Perkara ini telah diuraikan dengan panjang lebar oleh R3, R5, R8, R12, R15, R20, R21 dan R30. Malah, ada dalam kalangan mereka yang berpandangan bahawa penggunaan facebook adalah merupakan medium yang terbaik dalam mempelajari Bahasa Inggeris berbanding dengan pembelajaran secara konvensional. Keadaan ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh sarjana sebelum ini seperti Buzzeto (2012), Gafni dan Deri (2012) dan Goodwin dan Vetere (2010) yang menyatakan bahawa pembelajaran ilmu seharusnya mempertimbangkan untuk menggunakan laman media sosial secara lebih meluas berbanding dengan pendekatan konvensional selari dengan perkembangan teknologi dan internet.

Kesimpulan

Penggunaan aplikasi facebook telah dilihat sebagai medium terbaik dalam meningkatkan penguasaan berbahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa antropologi dan sosiologi terutama sekali dari aspek penulisan, perbincangan, perkataan baru, panduan tatabahasa dan kemahiran mendengar dan bertutur. Hal ini kerana aplikasi facebook menyediakan ruang yang seluas-luasnya untuk berkongsi maklumat, ilmu dan pengetahuan sama ada secara verbal atau audio visual secara terbuka serta merentasi sempadan tanpa mewujudkan perasaan malu atau rendah diri dalam kalangan mahasiwa. Pendek kata aplikasi facebook dilihat sebagai landasan atau padang kesamaan yang bersifat terbuka dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Tidak ada seorang pun yang dilihat lebih tinggi kemahiran Bahasa Inggerisnya daripada orang lain. Tambahan pula pembinaan kumpulan facebook dalam kalangan mereka telah menyediakan ruang kepada mereka untuk belajar berbahasa Inggeris secara maya dan melalui pendekatan audio visual. Sehubungan dengan itu, sudah tiba masanya proses pembelajaran dan aktiviti pengajaran di universiti harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam empat domain utama yang terdiri daripada domain kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif, dan sosial melalui penggunaan teknologi dan internet. Penggunaan teknologi misalannya melalui laman sosial dengan memberi penekanan kepada keempat-empat domain ini akan membantu melahirkan mahasiswa yang seimbang dan berdaya saing dari segi intelek, rohani, emosi, sosial dan fizikal.

Penghargaan

Kajian ini telah disokong oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Geran PTS-2012-109 yang telah membolehkan kajian ini dijalankan dengan lancar dan jayanya.

Rujukan

- Blaikie NWH (2007) *Approaches to social enquiry 2nd edn*. Cambridge Polity Press.
- Buzzeto NA (2012) Social networking in undergraduate education. *Interdisciplinary Journal of Information of Knowledge and Management* 7 (1), 41-56
- Dinero SC (1997) Social adaptation and control in the post-nomadic urban environment: The case of the Israeli Negev Bedouin. *Journal of Social work and Policy in Israel: Theory, Research and Practice* 9, 43-76.
- Gafni R, Deri M (2012) Costs and benefits of facebook for undergraduates students. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management* 7.
- Glaser BG, Strauss AL (1967) *The discovery of grounded theory*. Aldine, Chicago.
- Greeno JG (2006) Learning in activity. In: Sawyer RK (ed) *The Cambridge handbook of the learning sciences*. Cambridge University Press, New York.
- Goodwin KK, Vetere F (2010) *Getting together out-of-class: Using technology for informal interacting and learning*. Proceedings of Ascikete Sydney, 387-392. Available from: <http://www.ascilite.org.au/conferences/sydney10/procs/Goodwin-concise.pdf>.
- Harold S (1999) Managing to innovate in higher education. *Journal of Education Studies* 47, 145-156.
- Horowitz M (1998) Development and the Anthropological encounter: A reflective underview. *Development Anthropologist* 16 (2), 44-50.
- Junco R (2011) The relationship between frequency of facebook use, participation in facebook activities, and student engagement. *Computer & Education* 58, 162-171.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Malaysia.
- Lincoln YS, Guba EG (1985) *Naturalistic inquiry*. Sage Publications, Beverly Hills, Calif.
- Mazzucato V (1997) Indigenous economies: Bridging the gap between economics and Anthropology. *Indigenous Knowledge and Development Monitor* 5 (1), 3-6.

- Melor Md Yunus, Hadi Salehi (2012) The effectiveness of facebook groups on teaching and improving writing: Students' perception. *International Journal of Education and information Technologies* 6 (1), 1-9.
- Olson DR (2004) The triumph of hope over experience in the search for "What Works": A response to Slavin. *Educational Researcher* 33 (1), 24-26.
- Roblyer MD, McDaniel M, Webb M, Herman J, Witty VJ (2010) Findings on facebook in higher education: A comparison of college faculty and student uses and perception of social networking sites. *The Internet and Higher Education* 13 (3), 134-140.
- Sawyer RK (2006) *The Cambridge handbook of the learning sciences*. Cambridge University Press, New York.
- Sayer D (1991) *Capitalism and modernity an excursus on Marx and Weber*. Routledge, London.
- Seltzer K, Bentley T (1999) *The creative age: Knowledge and skills for the new economy*. Demos, London.
- Shaffer DW (2006) *How computer games help children learn*. Pelgrave Macmillan, New York.
- Sharp C (2004) Developing young children's creativity: What can we learn from research? *Topic* 32, 5-12.
- Shneiderman B (2000) Creating creativity: User interfaces for supporting Innovation. *Transactions on Computer-Human Interactions* 7 (1), 114-138.
- Simplicio JSC (2000) Teaching classroom educators how to be more effective and creative teachers. *Education* 120 (4), 675-680.
- Stokes DE (1997) *Pasteur's quadrant: Basic science and technological innovation*. Brookings Institution Press, Washington DC.
- Sturgeon CM, Walker S (2009) *Faculty on Facebook: Confirm or deny*. 14th Annual Instructional Technology Conference Middle Tennessee State University, Murfreesboro, Tennessee. March 29th -31th 2009.